



KENYATAAN MEDIA

KARNIVAL KERJAYA JAMIN KERJA KELUARGA MALAYSIA 2022 KOTA TINGGI MENUTUP TIRAI JELAJAH KARNIVAL KERJAYA NEGERI JOHOR DENGAN LEBIH 6,000 PELUANG PEKERJAAN

KOTA TINGGI, JOHOR – Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Daerah Kota Tinggi anjuran Kementerian Sumber Manusia yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kampung Felda Air Tawar 3 telah menawarkan lebih **6,000 jawatan kosong** untuk pencari kerja daripada pelbagai latar belakang termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU), hari ini.

Karnival Kerjaya sehari yang bermula dari **9 pagi hingga 5 petang** ini menyaksikan penglibatan daripada **15 syarikat** pelbagai saiz daripada berbagai-bagai sektor termasuk perkhidmatan, pembuatan, perdagangan borong dan peruncitan, perhotelan serta makanan dan minuman.

Kota Tinggi merupakan destinasi keempat Karnival Kerjaya Keluarga Malaysia 2022 Negeri Johor, yang sebelum ini telah menemui Keluarga Malaysia di beberapa lokasi di negeri ini seperti Johor Bahru, Mersing dan Pontian. Karnival ini telahpun bermula sejak **3 Mac lalu di Johor Bahru**, disusuli dengan **daerah Mersing pada 5 Mac** dan **6 Mac di daerah Pontian** dan hari ini di daerah **Kota Tinggi**. Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Johor telah dirasmikan oleh **Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di daerah Pontian**.

Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique, yang hadir di Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Kota Tinggi menzahirkan sokongan penuh beliau kepada usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia dalam agenda memulihkan kehidupan rakyat yang terjejas akibat pandemik menerusi penyediaan peluang pekerjaan.

Beliau berkata, inisiatif **JaminKerja – Insentif Penggajian (JKIP)** bukan sahaja dapat menjamin kesejahteraan rakyat, malah memperkasakan perpaduan dan keharmonian Keluarga Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini. Beliau turut menyeru para majikan dan pencari kerja agar menyambut baik Karnival Kerjaya ini dalam semangat kebersamaan dan perpaduan kerana manfaatnya dapat membantu Keluarga Malaysia mengatasi badai COVID-19 yang melanda negara.

Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, Encik Azirruan Bin Arifin berkata, “Inisiatif JKIP yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi PERKESO ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan program PenjanaKerjaya sebelum ini yang telah membantu seramai **221,000** individu menganggur mendapat penempatan pekerjaan pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, **41,464** pencari kerja telah mendapat pekerjaan di negeri Johor dan **808** daripadanya pula adalah di Kota Tinggi”.

Penganjuran Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 adalah selari dengan hasrat Kerajaan menyediakan lebih **600,000 penempatan pekerjaan** pada tahun ini menerusi inisiatif **Jamin Kerja Keluarga Malaysia (JKIP)** yang diumumkan dalam Bajet 2022. Menerusi peruntukan sebanyak **RM4.8 bilion**, inisiatif ini merangkumi tiga program utama iaitu **JKIP** yang dilaksanakan oleh **PERKESO di bawah KSM**; Inisiatif **Latihan dan Penempatan Jangka Pendek atau Malaysia Short-term Employment Programme (MySTEP)** yang dikendalikan oleh **LAKSANA** di bawah **Kementerian Kewangan**; dan **Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran (Upskill Malaysia)** yang diamanahkan kepada **HRD Corp**, juga di bawah KSM.

Dengan peruntukan sebanyak **RM2 bilion**, JKIP menyediakan insentif kewangan kepada majikan yang mengambil pekerja baharu, dengan **sasaran 300,000 pekerja sepanjang tahun 2022**. **Insentif maksimum** sebanyak **RM36,000** disediakan bagi setiap individu yang diambil bekerja di bawah JKIP.

Program JKIP ini terbukti dapat membantu pencari kerja dan mereka yang kehilangan pekerjaan untuk memproleh peluang pekerjaan, terutamanya golongan yang mudah terjejas. Sejak **1 Januari hingga 7 Mac 2022**, seramai **313 individu** telah diambil bekerja oleh **148 majikan di negeri Johor** menerusi inisiatif JKIP ini, berbanding jumlah keseluruhan **2,757 individu** yang diambil bekerja oleh **999 majikan di seluruh negara**.

Pelaksanaan JKIP disokong oleh **Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs** yang merupakan satu platform bagi majikan mendaftarkan peluang pekerjaan dan untuk pencari kerja mendaftar profil bagi mendapatkan padanan pekerjaan. Portal MYFutureJobs, yang dipacu oleh teknologi canggih dan terkini, adalah pusat sehati dan rujukan utama bagi inisiatif-inisiatif berkaitan perkhidmatan pekerjaan.

Pada tahun ini sehingga **7 Mac 2022**, portal MYFutureJobs merekodkan **187,659 peluang pekerjaan** di negeri Johor, yang mewakili lebih kurang **20%** daripada **941,835** kekosongan jawatan di seluruh negara. Dalam tempoh ini, seramai **9,657 orang pencari kerja** di Johor telah berdaftar dengan MYFutureJobs, berbanding **98,478** pencari kerja di seluruh negara. Sejak **1 Januari hingga 7 Mac 2022**, seramai **1,640 individu di Johor** telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan, hasil padanan pekerjaan MYFutureJobs menerusi pelbagai program dan inisiatif termasuk JKIP.

PERKESO akan menggiatkan lagi usaha dalam melaksanakan JKIP dengan penganjuran pelbagai program terutamanya karnival kerjaya bagi meningkatkan bilangan penempatan pekerjaan untuk Keluarga Malaysia, terutamanya menjelang fasa endemik. PERKESO berharap orang ramai terutamanya pencari kerja aktif tidak melepaskan peluang hadir ke siri karnival kerjaya anjuran PERKESO yang akan diadakan di seluruh negara sepanjang tahun ini, demi bersama merealisasikan hasrat Kerajaan mengurangkan kadar pengangguran dan merancakkan semula pemulihan ekonomi negara.

Pihak majikan yang berminat untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada Keluarga Malaysia boleh mengiklankan jawatan kosong di organisasi masing-masing di portal MYFutureJobs menerusi pautan www.myfuturejobs.gov.my atau berdaftar untuk karnival kerjaya akan datang menerusi www.myfuturejobs.gov.my/careerfair. Untuk maklumat lanjut berhubung JKIP, sila rujuk **laman sesawang PERKESO** di www.perkeso.gov.my atau hubungi nombor **Careline** PERKESO di talian **1-300-22-8000** atau e-mel perkeso@perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Strategik

10 Mac 2022

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 atau Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.